# Activity Report PI1M Kg.Kuala Sungga
# Laporan Aktiviti PI1M Kg.Kuala Sungga

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| **Name of event**<br>**Nama acara / program** | SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2016 KUALA SUNGGA PERINGKAT ALOR GAJAH | |
| **Date & Time**<br>**Tarikh & Masa** | Tarikh : Sabtu, 10 September 2016<br>Masa : 8.00 pagi – 12.30 tengahari | |
| **Location**<br>**Lokasi** | Dataran Ilmu Kuala Sungga, Kuala Sungga, Tebong, Alor Gajah, Melaka | |
| **Purpose**<br>**Tujuan** | Program ini dilakukan setiap tahun sempena tarikh 31 Ogos kemerdekaan Malaysia dan bertujuan untuk memupuk semangat kemasyarakatan yang terdiri daripada berbilang kaum iaitu Melayu, India, Cina dan Orang Asli di kawasan Kuala Sungga. | |
| **Details of recipients**<br>**Butiran Penerima** | 1. 100 orang komuniti setempat penerima cabutan bertuah<br>2. 5 pemenang lukisan poster<br>3. 3 penerima hadiah utama cabutan Kuiz Dashboard :<br>Pemenang utama : Nor Ashikin Sadar Mohd<br>Pemenang kedua : Rosita Ramli<br>Pemenang ketiga : Mastura Keling<br>4. 35 penerima hadiah saguhati cabutan bertuah Kuiz Dashboard<br>5. 5 pemenang pertandingan mewarna Hari Kebangsaan 2016 anjuran Pusat Internet 1Malaysia | |
| **Details of contribution**<br>**Butir-butir berkaitan dengan aktiviti** | 1. Peruntukan sebanyak RM10000 daripada Komuniti 1Malaysia Dun Machap, Jabatan Penerangan Negeri Melaka, Jabatan Penerangan Alor Gajah dan Ahli Parlimen Alor Gajah<br>2. 100 hadiah cabutan bertuah berupa beras sumbangan daripada orang persendirian<br>3. Hadiah cabutan bertuah Kuiz Dashboard berupa | |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| | barangan cenderahati Dashboard sumbangan Pusat Internet 1Malaysia Kluster Negeri Melaka<br>4. Hadiah aktiviti Klik Dengan Bijak dan E-Waste oleh SKMM Negeri Melaka | |
| **Benefits of the contribution**<br>**Kebaikan / kelebihan aktiviti** | 1. Memupuk semangat cintakan Malaysia<br>2. Mengeratkan silaturahim antara komuniti setempat<br>3. Memberi pendedahan kepada komuniti setempat akan fungsi dan program-program terbaru Pusat Internet 1Malaysia dan aktiviti Klik Dengan Bijak<br>4. Mewujudkan masyarakat yang sihat dengan aktiviti-aktiviti yang sihat | |
| **Name of VIP**<br>**Nama VIP** | 1. YB Senator Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam<br>2. Ahli Parlimen Alor Gajah YB Datuk Koh Nai Kwong<br>3. Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Melaka En. Lim Ann Teck<br>4. Pengerusi Komuniti 1Malaysia Dun Machap Tn. Hj Sadar Mohd bin Hj Nawabdin Mohd<br>5. Pengerusi JKKK Kuala Sungga En. Baharom bin Salim<br>6. Pengerusi MIC Bukit Putus En. Krishnarajan a/l Appukuddan | |
| **Name of guest VIP**<br>**Nama tetamu daripada VIP** | - | |
| **Main execution**<br>**Pelaksanaan aktiviti utama** | 1. Sambutan Hari Kebangsaan 2016 Kuala Sungga peringkat Alor Gajah bermula pada pukul 8.00 pagi dengan pasukan kontinjen perbarisan sebanyak 30 pasukan berkumpul di hadapan kedai Taman Kejora Tebong. Perbarisan melibatkan kontinjen pelajar SMK Tebong, sekolah-sekolah rendah sekitar Kuala Sungga, angkatan tentera, KRT, Gerakan Belia 4B, pasukan UMNO, MIC, MCA, kumpulan persendirian dan 2 buah pancaragam.<br>2. Perbarisan bermula dari Taman Kejora sehingga | |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| | Dataran Ilmu Kuala Sungga didahului dengan basikal berhias dan diketuai oleh Tn. Hj Hashim Kiehang.<br>3. Pasukan-pasukan perbarisan membuat lintas hormat dan tabik hormat di hadapan YB Senator Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, YB Datuk Koh Nai Kwong serta Tuan Pengarah Penerangan Negeri Melaka dan berkumpul di hadapan pentas utama Dataran Ilmu Kuala Sungga.<br>4. Usai perbarisan, program diteruskan dengan nyanyian lagu NegaraKu dan lagu patriotik, bacaan doa, bacaan ikrar, ucapan Pengerusi program, ucapan Pengarah Penerangan N. Melaka, ucapan ahli parlimen Alor Gajah dan ucapan perasmian oleh YB Senator.<br>5. Sepanjang berlangsungnya upacara, Pusat Internet 1Malaysia telah diberi peluang untuk mengadakan pameran serta menjalankan aktiviti-aktiviti untuk komuniti. Pameran ini melibatkan PI1M Kluster Negeri Melaka dan melibatkan aktiviti seperti:<br>➢ **Pengenalan aplikasi Dashboard dan fungsi PI1M :**<br>- Pengagihan risalah aplikasi dashboard dan risalah PI1M<br>- Penerangan oleh staf-staf Pusat Internet 1Malaysia kepada pengunjung booth<br>➢ **Kuiz Dashboard**<br>- Komuniti dikehendaki menjawab soalan kuiz untuk memenangi hadiah utama cabutan bertuah iaitu Telefon Pintar Lenovo sumbangan Komuniti 1Malaysia Dun Machap<br>➢ **Klik Dengan Bijak**<br>- penyampaian taklimat Klik Dengan Bijak oleh pengurus PI1M Kg.Kuala Sungga<br>- aktiviti KDB di booth | |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| | ➢ **Program E-Waste**<br>- salah satu program di bawah SKMM di mana komuniti boleh menghantar barangan ICT tidak terpakai seperti telefon bimbit dan mendapat hadiah untuk setiap barangan yang diletakkan di dalam kotak E-Waste<br>6. YB Senator Datuk Hj Mohd Ali Mohd Rustam berbesar hati untuk menyampaikan 3 hadiah utama cabutan bertuah Kuiz Dashboard,10 hadiah cabutan bertuah komuniti dan pertandingan yang dianjurkan sempena Hari Kebangsaan 2016 iaitu lukisan poster oleh pelajar SMK Tebong dan pertandingan mewarna kanak-kanak oleh Pusat Internet 1Malaysia Kuala Sungga.<br>7. Usai majlis penyampaian hadiah, para VVIP beredar untuk jamuan ringan dan majlis diteruskan dengan persembahan tarian tradisional Melayu, Cina dan India diselang-seli dengan penyampaian hadiah cabutan bertuah komuniti.<br>8. Majlis diteruskan dengan Taklimat Klik Dengan Bijak oleh pengurus PI1M Kuala Sungga yang bertajuk “Merdeka dan Internet” dan sesi bersama PI1M di atas pentas disudahi dengan penyampaian hadiah cabutan bertuah Kuiz Dashboard.<br>9. Penyampaian hadiah cabutan bertuah komuniti menjadi penutup bagi majlis sambutan sebelum para hadirin bersurai. | |
| **Supporting activities**<br>**Aktiviti Sokongan** | Pemeriksaan kesihatan oleh KOSPEN | |
| **Other participants**<br>**Peserta Lain** | 1. Pasukan Polis Balai Polis Tebong sebagai kawalan lalu lintas dan keselamatan<br>2. Penjaja kecil menjual pelbagai jenis makanan dan minuman | |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th><th>NOTES<br>NOTA</th></tr>
<tr><td rowspan="3">Photo caption<br>Keterangan gambar</td><td></td><td>Basikal berhias</td></tr>
<tr><td></td><td>Perbarisan kontinjen-kontinjen</td></tr>
<tr><td></td><td>Lintas hormat perbarisan</td></tr>
</table>

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| | <br><br> | *Bacaan ikrar*<br><br>*Ucapan perasmian*<br><br>*Penyampaian hadiah utama cabutan bertuah kuiz Dashboard* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| |  | *Penyampaian hadiah pertandingan* |
| | <br> | *Booth pameran Pusat Internet 1Malaysia Kluster Melaka* |
| |  | *Pendaftaran pengunjung booth* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| |  | *Sesi penerangan aplikasi Dashboard, fungsi PI1M dan Kuiz Dashboard* |
| |  | *Aktiviti Klik Dengan Bijak* |
| |  | *Aktiviti E-Waste* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| | <br> | *Sesi taklimat Klik Dengan Bijak*<br><br>*Penyampaian hadiah cabutan Kuiz Dashboard* |
| **Photo caption names**<br>**Keterangan gambar berserta nama** |  | Para VIP dan wakil penduduk dari kiri:<br>1. YB Datuk Koh Nai Kwong<br>2. YB Senator Datuk Seri Hj Mohd Ali Mohd Rustam<br>3. En. Lim Ann Teck<br>4. En. Baharom Salim<br>5. Tn Hj Sadar Mohd Nawabdin Mohd (duduk |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT | NOTES<br>NOTA |
|---|---|---|
| | | di belakang)<br>6. Puan Normala Ali (Ketua Wanita UMNO Kuala Sungga) |
| **Translation**<br>**Terjemahan** | - | |
| **Supporting documents**<br>**Dokumen Sokongan** | 1. Borang kedatangan pengunjung<br>2. Aturcara Majlis<br>3. Senarai hadiah<br>4. Kuiz Dashboard<br>5. Senarai nama pemenang Pertandingan Mewarna kanak-kanak | |

**PLEASE SUBMIT YOUR WRITTEN REPORT & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT WITHIN ONE WEEK OF THE EVENT**

**SILA KEMUKAKAN LAPORAN BERTULIS & GAMBAR-GAMBAR BERLANDASKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN HANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN DALAM TEMPOH SEMINGGU SELEPAS ACARA / PROGRAM BERLANGSUNG**